



# MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(No. Syarikat : 902884-V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

## KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

**MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD** (902884-V) ("MRT Corp") adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadi pemaju dan pemilik aset Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("KVMRT"). Syarikat ini adalah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan.

Projek KVMRT melibatkan pembinaan jaringan rel bandar di Lembah Klang. Setelah pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang ("Laluan SBK") dimulakan pada tahun 2011, **LALUAN MRT SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA ("Laluan SSP")** adalah laluan MRT kedua yang akan dibangunkan.

Untuk pembinaan Laluan SSP, **MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) SDN BHD** (1117100-V) telah dilantik sebagai Rakan Pelaksana Projek ("PDP").

MRT Corp. ingin menjemput bakal pemohon untuk mengambil bahagian dalam Peringkat Pra-Kelayakan. Tujuan Peringkat Pra-Kelayakan ini adalah untuk mengenal pasti Kontraktor Pakej Kerja yang layak, yang seterusnya akan dijemput untuk mengemukakan tender bagi pakej kerja yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

Setiap pemohon dikehendaki mengemukakan Dokumen Pra-Kelayakan yang lengkap bersama maklumat sokongan. Pemohon sedia maklum penyertaan dalam Peringkat Pra-Kelayakan tidak menjamin jempunan ke peringkat Tender.

Semua penyertaan akan diteliti dan disaringkan atas dasar kandungan, kelengkapan dan kualiti. Hanya pemohon yang berjaya di Peringkat Pra-Kelayakan akan diberitahu untuk meneruskan ke peringkat seterusnya yang membawa ke peringkat penyerahan tender.

| TAJUK PRA-KELAYAKAN & NO. PRA-KELAYAKAN  | SYARAT-SYARAT PERMOHONAN   | TAKLIMAT PRA-KELAYAKAN   |
|--|--|--|
| <p><b>PRE-QUALIFICATION FOR CONSTRUCTION AND COMPLETION OF MULTI STOREY PARK AND RIDE (MSPR) PACKAGES FOR PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2: SUNGAI BULOH – SERDANG – PUTRAJAYA (SSP)</b></p> <p><b>PRE-Q NO.: SSP-MRTC-GENE-OVPR-PRQ-00009</b></p> | <p>Berdaftar dengan:</p> <p><b>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Gred G7.</li> <li>Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).</li> </ul> <p><b>Bahagian Pembangunan Kontraktor &amp; Usahawan (BPKU).</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Taraf Bumiputera (STB).</li> </ul> | <p>Tarikh : <b>Khamis, 06 Oktober 2016</b></p> <p>Masa : <b>9.30 pagi</b></p> <p>Tempat : <b>KVMRT Training Centre,</b><br/>Lot. No. 994/998, Jalan Subang,<br/>Kampung Baru Sungai Buloh,<br/>47000, Sg. Buloh, Selangor.</p> <p>Pemohon perlu mendaftar pada jam 8.30 pagi – 9.30 pagi. Maksimum 2 wakil daripada setiap Pemohon dibenarkan hadir.</p> <p>Wakil dari Pemohon yang berminat mestilah kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang kerja tender dan kontrak serta diberi kuasa oleh syarikat.</p> |

Dokumen Pra-Kelayakan boleh diperolehi mulai **06 Oktober 2016 (selepas taklimat pra-kelayakan)** sehingga **20 Oktober 2016** dari:

| TEMPAT JUALAN DOKUMEN PRA-KELAYAKAN DAN PENYERAHAN PRA-KELAYAKAN   | MASA JUALAN DOKUMEN PRA-KELAYAKAN   |
|--|---|
| Jabatan Perolehan<br>Aras 6, Menara I&P1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia. | Isnin hingga Khamis: 9.00 pagi – 12.30 tengahari dan 2.00 petang - 5.00 petang<br>Jumaat: 9.00 pagi - 12.00 tengahari dan 3.00 petang – 5.00 petang |

**Pemohon dikehendaki menyerahkan dokumen seperti berikut:**

- Dokumen Pra-Kelayakan yang telah lengkap berserta dokumen-dokumen sokongan yang komprehensif;
- Satu (1) dokumen asal dan satu (1) dokumen salinan di dalam fail berasingan (jenis 2 cincin) dengan pembahagi indeks bagi setiap bahagian; dan
- Satu (1) CD yang mengandungi salinan elektronik dalam format PDF dengan pembahagi indeks dan *folder* bagi setiap bahagian.

Permohonan untuk Dokumen Pra-Kelayakan mesti disertakan dengan Draf Bank atau "Banker's Cheque" pada jumlah sebanyak **RM816.20** (Termasuk 6% GST) di atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** dan tidak dikembalikan.

Dokumen Pra-Kelayakan yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan "PRE-QUALIFICATION FOR CONSTRUCTION AND COMPLETION OF MULTI STOREY PARK AND RIDE (MSPR) FOR THE PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2 : SUNGAI BULOH – SERDANG – PUTRAJAYA (SSP)". Tajuk mestilah ditulis / dicetak di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Pra-Kelayakan di **Jabatan Perolehan, seperti alamat di atas tidak lewat dari jam 12.00 tengahari, Khamis, 3 November 2016.**

Selain dari syarat-syarat Pra-Kelayakan di atas, Pemohon WAJIB memenuhi Kriteria Mandatori seperti berikut:

| KRITERIA MANDATORI   |  |  |
|--|--|--|
| Pemohon dibenarkan untuk mengambil bahagian lebih daripada satu kategori, dengan syarat, sekali sahaja sebagai syarikat tunggal dan satu kali sahaja sebagai syarikat usahasama atau konsortium. |  |  |
| KATEGORI MSPR  | KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN  | PENGALAMAN KERJA DAN NILAI PROJEK  |
| <p><b>Kategori A</b></p> <p>Nilai kerja kurang daripada RM 50 Juta</p>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>Purata Perolehan Tahunan dalam tempoh <b>lima (5) tahun</b> terakhir melebihi <b>Ringgit Malaysia: Lima Belas Juta (RM15 Juta).</b></li> <li>Modal berbayar atau dana pemegang saham melebihi <b>Ringgit Malaysia: Satu Juta (RM1 Juta).</b></li> <li>Keperluan modal minimum <b>Ringgit Malaysia: Satu Juta (RM1 Juta).</b></li> </ol>                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Berjaya menyiapkan sekurang-kurangnya satu (1) (minima 3 tingkat) bangunan (Kediaman, Komersial atau Bangunan Institusi atau projek yang bersamaan) dalam tempoh <b>lima (5) tahun</b> terakhir dengan jumlah harga kontrak melebihi <b>Ringgit Malaysia: Dua Puluh Juta (RM20 Juta).</b></li> </ul>  |
| <p><b>Kategori B</b></p> <p>Nilai kerja RM 50 Juta dan Lebih</p>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>Purata Perolehan Tahunan dalam tempoh <b>lima (5) tahun</b> terakhir melebihi <b>Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Juta (RM30 Juta).</b></li> <li>Modal berbayar atau dana pemegang saham melebihi <b>Ringgit Malaysia: Satu Juta Lima Ratus Ribu (RM1.5 Juta).</b></li> <li>Keperluan modal minimum <b>Ringgit Malaysia: Dua Juta Dua Ratus Ribu (RM2.2 Juta).</b></li> </ol> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Berjaya menyiapkan sekurang-kurangnya satu (1) (minima 5 tingkat) bangunan (Kediaman, Komersial atau Bangunan Institusi atau projek yang bersamaan) dalam tempoh <b>lima (5) tahun</b> terakhir dengan jumlah harga kontrak melebihi <b>Ringgit Malaysia: Lima Puluh Juta (RM50 Juta).</b></li> </ul> |

**Nota:**

- Pra-Kelayakan ini mempelawa Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berpengalaman serta berdaftar dengan badan seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh permohonan.
- Pemohon digalakkan menghadiri sesi taklimat Pra-Kelayakan sepertimana yang dijadualkan di atas.
- Dokumen Pra-Kelayakan akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Pemohon boleh meneliti Dokumen Pra-Kelayakan sebelum membuat pembelian.
- Kesemua Pemohon mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- MRT Corp. **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Pra-Kelayakan sebelum dan/atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
- Dokumen Pra-Kelayakan ini hanya akan dijual kepada wakil Pemohon yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil pemohon **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil **serta dokumen yang berkenaan** yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN oleh [Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A].
- Selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005] adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan Pra-Kelayakan ini hendaklah dibuat secara bertulis dan difakskan ke talian **03-2095 2121** atau e-mel ke [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my). Maklumat lanjut mengenai MRT boleh dilayari di laman web kami di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my).
- MRT Corp. berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana Pemohon serta membatalkan proses Pra-Kelayakan ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pemohon yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.

[www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my)